



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

FESTIVAL KOLEJ 2024

Nur Aqmar Anuar, Muhammad Luqman Al-Hakim Mohd Yusri & Saflina Azis



UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban menganjurkan Festival Kolej (FESKO) 2024, yang berlangsung dari 25 November hingga 1 Disember 2024. Program yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Sesi 2024 ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang seminggu dengan penglibatan mahasiswa dan komuniti sekitar. Festival ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam kehidupan kampus, membina budaya yang inklusif, dinamik, dan kondusif bagi perkembangan mahasiswa serta mendorong inovasi dan penyelidikan dalam kalangan pelajar dan fakulti.



Pelbagai aktiviti akademik, rekreasi, dan sukan telah diadakan sepanjang festival ini. Wheels of Flavour yang berlangsung dari 25 hingga 29 November membawa pesta makanan dan budaya yang mengujakan. Pertandingan Mobile Legends pada 26 November pula menguji kemahiran e-sukan mahasiswa, manakala JPK D'or pada 27 November menyaksikan kejohanan eFootball dalam talian yang penuh sengit. Pada 28 November, program Baiiti Jannati telah dianjurkan untuk mengisi aspek keagamaan dan kerohanian dalam festival ini. Aktiviti santai JPK Colour Run berlangsung pada 30 November, memberikan pengalaman penuh warna-warni kepada peserta.

Pada 1 Disember, acara kemuncak festival, Jendela Demokrasi: Meneroka Suara Pemimpin, telah diadakan sebagai forum kepimpinan mahasiswa sebelum majlis penutup FESKO 2024 yang menyampaikan anugerah dan penghargaan kepada peserta dan pemenang.



Festival ini memberikan impak yang besar kepada mahasiswa, universiti, dan masyarakat sekeliling. Bagi mahasiswa, ia telah meningkatkan interaksi dan keterlibatan pelajar dari pelbagai latar belakang, memperkayakan pengalaman mereka dalam kampus. Universiti pula mendapat manfaat dengan pengukuhan jenama UiTM sebagai institusi yang menyokong aktiviti kokurikulum, manakala komuniti setempat turut terlibat dalam pelbagai aktiviti yang membina hubungan erat antara pelajar dan masyarakat.



FESKO 2024 tidak akan berjaya tanpa sokongan penasihat program, Puan Saflina Binti Azis, serta semua ahli jawatankuasa dan peserta yang komited dalam menjayakan acara ini. Terima kasih kepada semua yang telah menyumbang tenaga dan usaha bagi memastikan kejayaan festival ini. Dengan sambutan yang luar biasa, diharapkan FESKO akan terus menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh seluruh warga kampus. Nantikan edisi seterusnya pada tahun hadapan!